

25.4.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

JAMIN KESELAMATAN ULU MUDA SECARA BERTERUSAN

- **Perundangan, penguatkuasaan dan pampasan diperlukan untuk memastikan keselamatan Ulu Muda.**
- **Pendedahan mengenai pembalakan berhampiran Empangan Ahning mencerminkan ketidakpastian tentang bagaimana pembalakan “dilesenkan” di kawasan tadahan air Kedah.**

PULAU PINANG, Khamis, (25.4.2019): Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Kedah mesti bertindak pantas dan tepat untuk menjamin keselamatan kawasan tadahan air Ulu Muda, bagi melindungi perkhidmatan bekalan air di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) bimbang dengan pendedahan pembalakan di Bukit Keramat baru-baru ini, seperti yang diterbitkan oleh The Star dengan kerjasama PEKA (Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam).

Pada bulan September 2018, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dan Kerajaan Negeri Kedah mengumumkan bahawa pembalakan telah diharamkan di Ulu Muda. PBAPP mengalu-alukan pengumuman itu. Bagaimanapun, pengumuman, dengan sendirinya, tidak memberikan perlindungan yang berkekalan.

Perundangan yang betul, penguatkuasaan yang ketat dan pampasan yang adil (kepada Kedah) diperlukan untuk memastikan keselamatan Ulu Muda, selama-lamanya.

Undang-undang mesti diluluskan untuk melindungi Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air yang terbesar dan paling penting di Wilayah Utara.



Undang-undang itu mesti dikuatkuasakan oleh jabatan kerajaan yang diberi kuasa untuk melindungi Ulu Muda, tanpa gentar atau pilih kasih.

Akhir sekali, untuk perlindungan yang lestari, beberapa bentuk pampasan Persekutuan mesti dibayar kepada Kedah untuk memastikan Ulu Muda bebas dari pembalakan. Ini adalah cara logik dan rasional untuk menjamin keselamatan Ulu Muda untuk selamanya; dan untuk kebaikan lebih daripada 4.2 juta orang* tinggal di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang.

Nilai sosio ekonomi untuk menyediakan perlindungan ini boleh diukur daripada segi sumbangan gabungan KDNK 3 negeri utara, yang dianggarkan bernilai RM139 bilion* (pada harga semasa) pada tahun 2017.

* Sumber:: Jabatan Statistik, Malaysia.

Ketidakpastian mengenai pembalakan di kawasan tadahan air Kedah

Pada 21.4.2019, The Star mendedahkan aktiviti pembalakan berleluasa di Bukit Keramat, menunjukkan bukit yang digondol berhampiran Empangan Ahning di Kedah.

Selain daripada imej yang mengejutkan dari kawasan yang dibalakan, pendedahan itu juga menyingkap beberapa kenyataan yang agak mengganggu yang perlu kepada siasatan mendalam:

- Jurucakap Jabatan Perhutanan Negeri Kedah dipetik sebagai berkata bahawa Kerajaan Negeri terdahulu telah meluluskan pembalakan 1,400 hektar tanah rizab hutan pada 1.8.2017. Walau bagaimanapun, pembalakan seluas 700 hektar hanya dijalankan baru-baru ini disebabkan perubahan kerajaan. 700 hektar lagi sedang dalam proses untuk dibalakan.
- Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Kedah dilaporkan berkata tiada permohonan EIA dibuat untuk pembalakan 1,400 hektar tanah rizab hutan.
- Dua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah dilaporkan berkata bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa maklumat mengenai kes itu.

Sekiranya kenyataan yang dilaporkan itu benar, Kerajaan Persekutuan dan



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs



Kerajaan Negeri Kedah kini perlu menyiasat yang berikut:

1. Berapa hektar “hutan rizab” telah diluluskan untuk pembalakan oleh Kerajaan Negeri Kedah terdahulu di kawasan tadahan air (termasuk 163,103 hektar hutan hujan di Ulu Muda)?
2. Adakah kelulusan ini masih sah berikutan perubahan dalam Kerajaan Negeri?
3. Adakah Jabatan Perhutanan Kedah mengeluarkan lebih banyak permit untuk pembalakan “secara bebas”?
4. Adakah pengharaman pembalakan di Ulu Muda suatu larangan menyeluruh yang meliputi semua 163,103 hektar Hutan Ulu Muda yang berfungsi sebagai kawasan tadahan air serantau?
5. Jabatan kerajaan mana yang menguatkuasakan pengharaman pembalakan di Ulu Muda, seperti yang diumumkan pada September 2018?

Senario Bukit Keramat perlu diambil sebagai amaran yang jelas sejauh mana hal-hal yang mungkin salah, kerana mungkin pentadbiran dan/atau perundangan terlepas pandang. Bagaimanapun, kejadian seperti itu tidak boleh berlaku di Ulu Muda.

Kepentingan Ulu Muda sebagai kawasan tadahan air serantau tidak boleh dipandang remeh. Sekiranya hutan hujan digondol, kerosakan akan dirasai di luar lingkungan alam sekitar... berjuta-juta orang di Perlis, Kedah dan Pulau Pinang akan menghadapi krisis air pada skala yang tidak pernah berlaku sebelum ini.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my